

FAQ KELULUSAN KELAYAKAN DIESEL BERSUBSIDI DI BAWAH SKDS

SOALAN	JAWAPAN
1. Apakah itu SKDS?	SKDS atau Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi ialah mekanisme kawalan oleh Kerajaan melalui penggunaan <i>fleet card</i> bagi memastikan pengagihan subsidi diesel dibuat secara bersasar, telus dan terkawal kepada golongan yang layak.
2. Apakah objektif pelaksanaan SKDS?	Antara objektif utama:- <ol style="list-style-type: none"> i. Mengurangkan ketirisan subsidi diesel; ii. Membanteras penyelewengan dan penyeludupan; iii. Memastikan subsidi dinikmati oleh golongan sasar; dan iv. Mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan.
3. Siapakah yang boleh memohon kelayakan pembelian diesel bersubsidi di bawah SKDS?	Permohonan terbuka kepada syarikat atau entiti perniagaan yang terlibat dalam Sektor Pengangkutan Darat Awam (SKDS 1.0) dan Sektor Pengangkutan Darat Barangan (SKDS 2.0).
4. Apakah syarat untuk memohon kelayakan pembelian diesel bersubsidi di bawah SKDS?	Syarat kelayakan adalah seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> i. Kenderaan terdiri daripada kategori yang ditetapkan iaitu 10 jenis kenderaan bagi sektor pengangkutan darat awam atau 23 jenis kenderaan bagi sektor pengangkutan darat barangan; ii. Kenderaan merupakan kenderaan perdagangan yang berdaftar dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP); iii. Kenderaan mempunyai cukai jalan yang sah dan aktif; dan iv. Kenderaan didaftarkan di bawah pemilikan syarikat / perniagaan tunggal / perkongsian / koperasi / pihak berkuasa tempatan (PBT).
5. Apakah 10 jenis kenderaan yang ditetapkan bagi kenderaan di bawah sektor pengangkutan darat awam?	10 jenis kenderaan di bawah sektor pengangkutan darat awam ialah:- <ol style="list-style-type: none"> i. Bas Sekolah ii. Bas Ekspres iii. Bas Henti-Henti iv. Bas Mini v. Bas Pengantara vi. Kereta Sewa vii. Teksi viii. Van/Lori Mayat ix. Ambulans x. Bomba
6. Mengapakah hanya 10 jenis kenderaan pengangkutan awam sahaja yang dapat menikmati subsidi diesel di bawah SKDS?	Penetapan hanya 10 jenis kenderaan pengangkutan awam adalah berdasarkan kategori kenderaan yang memenuhi kriteria berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Memberi perkhidmatan secara langsung kepada rakyat Malaysia; ii. Berdaftar serta tertakluk kepada kawal selia oleh agensi berkaitan; dan

SOALAN	JAWAPAN
	<p>iii. Menggunakan diesel sebagai bahan api utama dalam operasi harian.</p> <p>Pendekatan ini memastikan subsidi diesel disalurkan secara bersasar kepada perkhidmatan pengangkutan awam yang penting kepada mobiliti rakyat. Penggunaan fleet card di bawah SKDS pula membolehkan kawalan dan pemantauan yang lebih berkesan, sekali gus membantu mengekalkan kos operasi dan kadar tambang yang berpatutan.</p>
<p>7. Apakah 23 jenis kenderaan yang ditetapkan bagi kenderaan di bawah sektor pengangkutan darat barangan?</p>	<p>23 jenis kenderaan di bawah sektor pengangkutan darat barangan ialah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Lori Rigid – Kargo Am ii. Lori Rigid – Minuman Botol iii. Lori Rigid – Refrigerated iv. Lori Rigid – Luton/Kotak v. Penggerak Utama / Articulated Vehicle vi. Lori Tangki Rigid – Air vii. Lori Tangki Rigid – Tepung viii. Window Van ix. Panel Van x. Semi-Panel Van xi. Lori Rigid – Curtainsider xii. Lori Rigid – Hasil Pertanian xiii. Lori Rigid – Kandang Haiwan xiv. Lori Rigid – Kombinasi xv. Lori Rigid – Open Platform xvi. Lori Food Catering xvii. Lori Tangki Rigid – Minuman xviii. Bas/Van Perkhidmatan Bergerak xix. Lori Rigid- Perkhidmatan Bergerak xx. Klinik Perkhidmatan Bergerak xxi. Lori Rigid – Sampah xxii. Pikap xxiii. Jip
<p>8. Mengapakah hanya 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan sahaja yang dapat menikmati subsidi diesel di bawah SKDS?</p>	<p>Penetapan 23 jenis kenderaan adalah berdasarkan kategori kenderaan komersial yang:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Terlibat secara langsung dalam rantaian bekalan dan pengedaran barangan; ii. Menyokong bekalan keperluan asas serta aktiviti ekonomi negara yang memberi manfaat kepada rakyat; dan iii. Menggunakan diesel sebagai bahan api utama bagi operasi logistik. <p>Pendekatan ini memastikan subsidi diesel disalurkan secara bersasar bagi mengekalkan kos pengangkutan barangan dan menyokong kestabilan harga di pasaran.</p>
<p>9. Bilakah syarikat boleh melakukan pendaftaran SKDS?</p>	<p>Pendaftaran SKDS 1.0 melalui sistem MySubsidi bagi sektor pengangkutan darat awam telah dilaksanakan pada tahun 2013.</p> <p>Pendaftaran SKDS 2.0 bagi sektor pengangkutan darat barangan telah dilaksanakan secara Projek Rintis pada 1 Februari 2024 dan perluasan Fasa II SKDS 2.0 telah dilaksanakan bermula 7 Mac 2024.</p>

SOALAN	JAWAPAN
10. Apakah kadar harga runcit diesel bersubsidi (SKDS) bagi pengangkutan darat awam dan barangan?	Kadar harga adalah tertakluk kepada ketetapan Kerajaan. Kadar semasa adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Sektor Pengangkutan Darat Awam: RM1.88/liter ii. Sektor Pengangkutan Darat Barangan: RM2.15/liter
11. Bilakah SKDS dilaksanakan?	Sektor Pengangkutan Darat Awam telah menikmati harga diesel bersubsidi pada kadar RM1.88/liter sejak 2006. Bagi Sektor Pengangkutan Darat Barangan, pelaksanaan SKDS 2.0 berkuat kuasa mulai 10 Jun 2024 selaras dengan pendekatan penyasaran semula subsidi diesel oleh Kerajaan. Pendaftaran SKDS bagi Sektor Pengangkutan Darat Barangan di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan akan dibuka mulai 4 Mei 2026
12. Berapakah kuota diesel bersubsidi yang akan saya terima?	Kuota diesel bersubsidi bagi kenderaan yang layak akan ditentukan berdasarkan jenis dan kategori kenderaan yang diluluskan di bawah SKDS. Kuota tersebut dijana secara automatik setiap bulan melalui sistem MySubsidi berdasarkan maklumat kenderaan yang didaftarkan dan disahkan. Jumlah kuota adalah tertakluk kepada ketetapan Kerajaan.
13. Sekiranya kenderaan saya tidak layak di bawah SKDS, apakah alternatif bantuan lain yang boleh saya dapat bagi mengurangkan beban kos bahan api?	Sekiranya kenderaan tidak layak di bawah SKDS, individu boleh memohon bantuan di bawah inisiatif BUDI MADANI, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. BUDI Individu (Diesel) di bawah Kementerian Kewangan (MoF) – bantuan tunai kepada individu yang layak bagi meringankan beban kos bahan api; dan ii. BUDI Agri-Komoditi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) – bantuan kepada petani, pekebun kecil serta pengusaha komoditi yang layak. Permohonan boleh dibuat melalui portal rasmi BUDI MADANI di https://budimadani.gov.my .
14. Mengapakah terdapat kenderaan dan sektor tertentu tidak layak di bawah SKDS	Penetapan kelayakan di bawah SKDS adalah berdasarkan pertimbangan dasar semasa Kerajaan bagi memastikan subsidi disalurkan secara bersasar kepada sektor yang memberi impak langsung kepada kos sara hidup rakyat. Antara justifikasi pengecualian adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Struktur kawal selia atau tambang yang tidak seragam dan tidak dikawal secara menyeluruh; ii. Perkhidmatan yang tidak dianggap keperluan menyeluruh kepada rakyat;

SOALAN	JAWAPAN
	<ul style="list-style-type: none"> iii. Kos operasi yang boleh diurus melalui mekanisme lain seperti peruntukan dalaman atau struktur kos sedia ada; iv. Tidak berkaitan secara langsung dengan kos sara hidup harian secara menyeluruh; v. Kenderaan atau jentera yang beroperasi di luar jalan raya (<i>off-road</i>), tidak mengisi bahan api di stesen minyak, atau sukar dikawal serta disemak kerana keterbatasan data pendaftaran; dan vi. Sektor yang mempunyai mekanisme bantuan atau sokongan sedia ada di bawah kementerian atau agensi berkaitan. <p>Pendekatan ini memastikan pelaksanaan subsidi lebih cekap, terkawal dan berfokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.</p>
<p>15. Apakah tindakan yang perlu saya ambil sekiranya saya ingin membuat rayuan kenderaan tidak layak di bawah SKDS?</p>	<p>Sekiranya kenderaan tidak layak, rayuan boleh dikemukakan melalui tiga (3) saluran seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Emel ke mysubsidi@kpdn.gov.my; ii. Surat rasmi kepada Kementerian/Agensi Kawal Selia sektor; atau iii. Modul Rayuan SKDS di portal BUDI Madani yang dikawal selia oleh MoF. <p>Semua rayuan akan dipertimbangkan dan diangkat ke Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Petroleum (JKSP) berdasarkan syarat dan kriteria semasa yang berkuat kuasa.</p>
<p>16. Apakah kategori kenderaan Jip dan Pikip yang layak dipertimbangkan di bawah SKDS?</p>	<p>Hanya kenderaan perdagangan berikut layak dipertimbangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pikip di bawah kelas kegunaan Barang Rigid dan Barang Rigid Decon (950–7,500 kg); dan ii. Jip di bawah kelas kegunaan Barang Rigid Decon (950–7,500 kg).
<p>17. Adakah semua kenderaan Jip dan Pikip layak menerima subsidi diesel bersasar di bawah SKDS?</p>	<p>Tidak. Kenderaan yang didaftarkan di bawah kategori seperti Persendirian-Kerajaan, Persendirian-Kuasa Tempatan, Barangan-Kerajaan, Barangan-Kuasa Tempatan, Barangan-Tiada Permit/Off-Road, Kedutaan, Sewa Pandu Kerajaan Sabah dan Sarawak serta kategori khas lain adalah tidak layak.</p>

FAQ ISU-ISU BERKAITAN SISTEM MYSUBSIDI

SOALAN	JAWAPAN
PERMOHONAN DAN PROSES PENDAFTARAN AKAUN	
1. Bagaimanakah cara untuk memohon kelayakan pembelian diesel dan petrol bersubsidi di bawah SKDS dan SKPS?	Syarikat perlu mengemukakan permohonan secara atas talian melalui Modul Diesel bagi SKDS dan Modul Petrol bagi SKPS dalam Sistem MySubsidi di pautan https://mysubsidi.kpdn.gov.my/ .
2. Apakah langkah-langkah untuk membuat permohonan dalam sistem MySubsidi?	Langkah permohonan adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Semak kelayakan kenderaan; ii. Daftar akaun pengguna; iii. Lengkapkan profil pemohon; iv. Pilih kenderaan yang layak; v. Pilih syarikat minyak; vi. Buat perakuan; dan vii. Hantar permohonan.
3. Siapakah yang dibenarkan membuat pendaftaran akaun dalam Sistem MySubsidi?	Pendaftaran akaun hanya boleh dibuat oleh pemilik kenderaan atau wakil syarikat (sekurang-kurangnya peringkat Eksekutif) Penggunaan <i>Runner</i> tidak dibenarkan untuk mendaftar atau mengurus akaun dalam system MySubsidi.
4. Bagaimanakah cara pendaftaran akaun dalam Sistem MySubsidi?	Pendaftaran perlu dilakukan mengikut kategori pemilikan kenderaan yang layak di bawah SKDS dan SKPS seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Pemilikan Tunggal - kenderaan didaftarkan di bawah nombor kad pengenalan pemilik; ii. Syarikat - kenderaan didaftarkan di bawah syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau iii. Koperasi / PBT - kenderaan yang didaftarkan di bawah Koperasi atau syarikat yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).
5. Mengapakah pendaftaran akaun saya tidak berjaya?	Antara punca kegagalan pendaftaran akaun adalah: <ol style="list-style-type: none"> i. Nombor Kad Pengenalan/ Nombor Pendaftaran Perniagaan tidak tepat; ii. Ejaan nama syarikat perniagaan tidak sama seperti dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan; iii. Status pendaftaran perniagaan tidak aktif; atau iv. Cukai jalan kenderaan telah tamat tempoh.
6. Apakah yang harus saya lakukan sekiranya saya tersilap mendaftar akaun di bawah kategori yang salah?	Pemohon perlu menghubungi Pusat Panggilan MySubsidi atau emel aduan di mysubsidi@kpdn.gov.my . Pemohon juga boleh hadir ke kaunter pertanyaan KPDN di setiap cawangan atau negeri di Malaysia.
7. Mengapakah kenderaan layak saya tidak tersenarai pada paparan Senarai Kenderaan profil saya?	Kenderaan tidak dipaparkan kerana maklumat pada geran kenderaan tidak sepaan dengan maklumat profil pemohon , khususnya dari segi nombor pendaftaran perniagaan. Pemohon perlu memastikan maklumat yang dimasukkan adalah tepat dan konsisten dengan dokumen kenderaan

SOALAN	JAWAPAN
	<p>Sekiranya wujud ketidaksepadanan, pemohon perlu mengemas kini maklumat pada kenderaan di kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terlebih dahulu sebelum membuat permohonan.</p>
<p>8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya kenderaan layak saya tidak dapat dipilih kerana cukai jalan tamat tempoh?</p>	<p>Pemohon perlu memastikan cukai jalan kenderaan masih sah dan aktif sebelum membuat permohonan. Sekiranya cukai jalan telah tamat tempoh, ia perlu diperbaharui terlebih dahulu di JPJ sebelum kenderaan tersebut boleh dipilih dalam sistem MySubsidi.</p>
<p>9. Adakah sebarang pengemaskinian di JPJ akan dikemas kini secara automatik dalam sistem MySubsidi?</p>	<p>Pengemaskinian data di JPJ tidak dipaparkan secara serta-merta (<i>real-time</i>) dalam sistem MySubsidi.</p> <p>Terdapat tempoh penyelarasan data (sekitar 24 jam) sebelum maklumat tersebut dikemas kini dalam sistem MySubsidi, tertakluk kepada proses integrasi antara agensi.</p>
<p>10. Bagaimanakah cara untuk membuat pilihan syarikat minyak di profil?</p>	<p>Pemohon boleh memilih maksimum tiga (3) syarikat minyak seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Petronas*; ii. Shell*; iii. Petron*; iv. Caltex; v. BHPetrol; dan vi. FIVE (menggunakan aplikasi). <p>Jumlah agihan kuota keseluruhan adalah 100% tertakluk kepada pengoperasian syarikat minyak masing-masing.</p> <p>Pemohon adalah dimohon untuk menyemak pilihan syarikat minyak dan pecahan kuota sebelum mengesahkan pilihan. Bagi pertukaran pilihan dan pecahan kuota syarikat minyak, pemohon perlu berurusan dengan syarikat minyak terlibat.</p> <p><i>*Bagi Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan, permohonan hanya terbuka kepada tiga (3) syarikat minyak sahaja pada masa ini.</i></p>
<p>11. Bilakah kelulusan kelayakan akan diberikan dan bagaimana saya boleh mendapatkan surat kelulusan?</p>	<p>Kelulusan kelayakan akan diberikan serta-merta selepas permohonan dihantar melalui sistem MySubsidi dengan maklumat yang lengkap dan diperakui oleh pemohon.</p> <p>Surat Kelulusan serta Senarai Kenderaan akan dijana secara automatik dan boleh diakses melalui profil akaun pemohon selepas permohonan dihantar.</p>

SOALAN	JAWAPAN
Permohonan Fleet Card	
12. Apakah yang perlu dilakukan setelah mendapat Surat Kelulusan dan Senarai Kenderaan?	Pemohon perlu memohon <i>fleet card</i> dengan syarikat minyak yang telah dipilih dalam sistem MySubsidi berdasarkan Surat Kelulusan dan Senarai Kenderaan yang telah dijana.
13. Bagaimanakah cara untuk memohon <i>fleet card</i> ?	<p>Pemohon perlu mengemukakan Surat Kelulusan dan Senarai Kenderaan kepada syarikat minyak pilihan.</p> <p>Pautan permohonan <i>fleet card</i> boleh diperolehi melalui tab Hubungi Kami di portal MySubsidi atau di portal syarikat minyak pilihan.</p>
14. Berapakah tempoh bagi memproses permohonan <i>fleet card</i> oleh syarikat minyak?	<p>Tempoh pemrosesan <i>fleet card</i> adalah sehingga 14 hari selepas permohonan lengkap diterima oleh syarikat minyak.</p> <p>Sebarang pertanyaan lanjut berhubung proses permohonan dan penggunaan <i>fleet card</i> boleh dikemukakan kepada syarikat minyak melalui tab Hubungi Kami di portal MySubsidi atau di portal syarikat minyak pilihan.</p>
15. Saya masih belum menerima <i>fleet card</i> dari syarikat minyak walaupun sudah menghantar permohonan lengkap kepada syarikat minyak lebih dari 14 hari bekerja.	<p>Pemohon menghubungi Syarikat minyak yang dipilih untuk semakan status permohonan kerana proses pengeluaran dan penghantaran <i>fleet card</i> adalah di bawah tanggungjawab syarikat minyak berkenaan.</p> <p>Sekiranya melebihi 14 hari bekerja, pemohon disarankan untuk membuat susulan terus dengan syarikat minyak berkenaan.</p>
KELULUSAN KUOTA	
16. Berapa lamakah tempoh sah laku Surat Kelulusan bagi kelayakan pembelian disel bersubsidi di bawah SKDS dan petrol bersubsidi di bawah SKPS?	<p>Tempoh sah laku Surat Kelulusan adalah bergantung kepada tempoh sah laku cukai jalan kenderaan.</p> <p>Pembaharuan cukai jalan perlu dibuat sebelum 28 haribulan setiap bulan dan melangkaui bulan seterusnya untuk mendapatkan subsidi pada bulan berikutnya.</p>
17. Mengapakah kuota saya tidak boleh digunakan dan saya terpaksa membayar petrol atau diesel pada harga pam dan bukannya pada harga subsidi?	<p>Kuota tidak boleh digunakan sekiranya:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Cukai jalan kenderaan telah tamat tempoh; atau ii. Pembaharuan cukai jalan di buat selepas penjanaan kuota bulanan. <p>Bagi pengguna <i>fleet card</i> pascabayar (<i>cash card</i>), penggunaan adalah tertakluk kepada had kredit yang ditetapkan oleh syarikat minyak berdasarkan penilaian kewangan syarikat.</p>
18. Saya lewat memperbaharui cukai jalan kenderaan. Bolehkah saya mendapat kembali kuota bulanan semasa saya?	<p>Kuota bulanan dijana pada penghujung setiap bulan berdasarkan status kelayakan kenderaan pada tempoh tersebut.</p> <p>Sekiranya cukai jalan diperbaharui selepas penjanaan kuota dibuat, kuota bagi bulan semasa tidak dapat dikreditkan semula.</p>

SOALAN	JAWAPAN
	Kuota akan diterima semula pada kitaran pengagihan bulan berikutnya, tertakluk kepada kelayakan yang aktif dalam sistem.
19. Kuota saya tidak mencukupi. Bolehkah saya ingin memohon kuota tambahan?	<p>Pada masa ini, KPND tidak membuka permohonan tambahan kuota dalam sistem MySubsidi.</p> <p>Walau bagaimanapun, permohonan boleh dikemukakan melalui Kementerian atau Agensi Kawal Selia sektor masing-masing.</p> <p>Semua permohonan akan dipertimbangkan dan diangkat ke Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Petroleum (JKSP) berdasarkan syarat dan kriteria kelayakan semasa yang berkuat kuasa.</p>
PENGEMASKINIAN MAKLUMAT KENDERAAN SELEPAS PERMOHONAN	
20. Syarikat saya baru membeli kenderaan baharu. Bagaimanakah cara untuk memohon <i>fleet card</i> bagi kenderaan baharu tersebut?	<p>Pemohon perlu log masuk ke akaun syarikat dalam sistem MySubsidi dan memilih kenderaan baharu yang ingin didaftarkan.</p> <p>Maklumat kenderaan perlu dilengkan dan perakuan dibuat sebelum permohonan dihantar.</p> <p>Surat Kelulusan dan Senarai Kenderaan bagi kenderaan baharu akan dijana secara automatik selepas permohonan diluluskan. Dokumen ini perlu dikemukakan kepada syarikat minyak yang dipilih bagi tujuan permohonan <i>fleet card</i>.</p>
PERTUKARAN SYARIKAT MINYAK	
21. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tersalah membuat pilihan syarikat minyak semasa permohonan dalam sistem MySubsidi buat kali pertama (selepas pendaftaran akaun)?	Pertukaran syarikat minyak hanya boleh di buat selepas tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penghantaran permohonan pertama dalam sistem MySubsidi.
22. Bagaimanakah proses pertukaran pilihan syarikat minyak dalam sistem MySubsidi?	<p>Setelah permohonan pertukaran syarikat minyak dikemukakan dalam sistem MySubsidi, pemohon perlu menghubungi syarikat minyak terlibat bagi tindakan pelepasan dan penerimaan kuota.</p> <p>Proses pertukaran hanya akan selesai selepas tindakan diambil oleh semua syarikat minyak yang terlibat.</p> <p>Sekiranya tiada tindakan diambil dalam tempoh tiga (3) bulan, permohonan pertukaran akan terbatal secara automatik dalam sistem.</p> <p>KPND tidak dapat menukar pilihan dan kuota syarikat minyak dalam sistem MySubsidi bagi pihak pemohon.</p> <p>Kelulusan dan pelaksanaan pertukaran adalah tertakluk kepada proses antara pemohon dan syarikat minyak.</p>

SOALAN	JAWAPAN
23. Bagaimana saya hendak mengetahui status pertukaran syarikat minyak?	Status pertukaran syarikat minyak boleh disemak melalui akaun pemohon dalam sistem MySubsidi.
24. Berapa kali saya boleh membuat pertukaran syarikat minyak?	Pemohon dibenarkan membuat pertukaran syarikat minyak sehingga sebanyak tiga (3) kali setahun .
25. Bilakah kuota mengikut kelulusan peratusan baharu akan dikuatkuasakan sekiranya pertukaran saya diluluskan?	Kuota mengikut peratusan baharu akan berkuat kuasa mulai 1 haribulan bulan berikutnya selepas permohonan pertukaran diluluskan .
SALURAN KOMUNIKASI DAN KHIDMAT SOKONGAN	
26. Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan lanjut berkaitan penggunaan kuota subsidi SKDS dan SKPS?	<p>Pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung SKDS dan SKPS melalui saluran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pusat Panggilan MySubsidi di Ibu Pejabat KPDN yang beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari bekerja di talian 03-8882 5893 / 5894 / 5923 / 6667 / 6331 / 6557; ii. Talian pejabat KPDN Negeri dan cawangan atau hadir secara fizikal ke mana-mana kaunter pejabat KPDN berhampiran; dan iii. E-mel rasmi di mysubsidi@kpdn.gov.my.
27. Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan lanjut berkaitan pengeluaran dan penggunaan <i>fleet card</i> ?	<p>Sebarang pertanyaan berkaitan pengeluaran dan penggunaan <i>fleet card</i> hendaklah dirujuk terus kepada syarikat minyak berkenaan.</p> <p>Senarai talian hotline syarikat minyak adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. PETRONAS : 1-300-88-8282 ii. SHELL : 1-300-22-8181 iii. PETRON : 1-800-88-8298 iv. CALTEX : 1-800-88-3168 v. BHPETROL : 03-7719 9499 vi. FIVE : 03-2391 1555 <p>KPDN hanya mengendalikan sistem MySubsidi dan kelulusan kelayakan. Urusan berkaitan <i>fleet card</i> adalah dibawah tanggungjawab syarikat minyak.</p>

Dikemaskini: 1 Mei 2026